# KELEBIHAN e-TUNAI RAKYAT

## MENGAWAL PEMBAYARAN

Mengawal jumlah perbelanjaan dengan menetapkan jumlah amaun tambah nilai mengikut keperluan peribadi.

## PERINGATAN PEMBAYARAN

Menjadi pembantu peribadi – dengan menetapkan pembayaran secara auto atau *auto pay* dan e-Dompet anda akan menolak bil berkenaan bagi pihak anda.

## KESELAMATAN TERJAMIN

Dengan penggunaan e-Dompet kesemua maklumat akaun peribadi disulitkan kerana nombor akaun bank sebenar anda tidak akan dinyatakan.

***www.khazanah.com.my***

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
03-2034 0000

#KitaMalaysia
#KemakmuranBersama2030


JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh:
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia

Laman Web : www.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my
Portal : dbook.penerangan.gov.my
: pmr.penerangan.gov.my

R.010 (B.M) JAN 2020 (050.)

*Jabatan Penerangan Malaysia* (Facebook)
*Jabatan Penerangan Malaysia* (YouTube)
*Japenmalaysia* (Instagram)
*@JPenerangan* (Twitter)


KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

# INISIATIF e-TUNAI RAKYAT




**Jumlah diterima seorang: RM30 sekali bayar**

Muat turun di
App Store
Google Play

*Sumber: Khazanah Nasional Berhad, Kementerian Kewangan Malaysia*

# INISIATIF e-TUNAI RAKYAT

Program rangsangan digital berjumlah **RM450 juta** ini telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dalam Belanjawan 2020

### 1. Apakah itu e-Tunai Rakyat?

e-Tunai Rakyat adalah dompet digital yang boleh menyimpan wang secara elektronik dan membolehkan pengguna berbelanja melalui transaksi digital.

### 2. Bagaimanakah e-Tunai Rakyat dilaksanakan?

e-Tunai Rakyat akan dibayar menerusi aplikasi mudah alih melalui pengendali e-Dompet yang dipilih.

### 3. Apakah nilai e-Tunai Rakyat yang akan diberikan?

**RM30**

Sejumlah RM30 secara pembayaran sekaligus akan dimasukkan ke dalam e-Dompet yang dipilih.

### 4. Aplikasi e-Dompet yang manakah boleh digunakan untuk menuntut insentif ini?

Tuntutan boleh dibuat melalui salah satu pilihan aplikasi iaitu Boost, GrabPay atau Touch N Go e-Dompet.

### 5. Bagaimanakah aplikasi e-Dompet Rakyat boleh dimuat turun?

Anda boleh muat turun aplikasi yang dipilih melalui langkah-langkah berikut:-

i. Melalui Google PlayStore (telefon pintar) atau App Store (telefon pintar Apple) dan cari aplikasi yang dipilih;
ii. Muat turun salah satu pilihan aplikasi (Boost, Touch n Go atau GrabPay); dan
iii. Muat Turun (Install) aplikasi ke telefon anda dan daftar maklumat yang dikehendaki.

### 6. Siapakah yang layak menerima insentif ini?

i. Warganegara Malaysia yang memiliki Kad Pengenalan.
ii. Berumur 18 tahun ke atas pada tahun 2020.
iii. Berpendapatan kurang dari RM100, 000 setahun mengikut laporan rekod pendapatan bagi tahun 2018.

### 7. Bagaimanakah cara penggunaan e-Tunai?

Membeli barangan dan perkhidmatan yang tersedia ada menerusi e-Dompet pilihan sepanjang tempoh program **(15 Jan - 14 Mac 2020)**



# KELEBIHAN e-TUNAI RAKYAT

### TRANSAKSI TANPA TUNAI

Memudahkan transaksi tanpa perlu membawa tunai dan hanya melalui telefon pintar.

### NIKMATI PELBAGAI CASHBACK, DISKAUN DAN GANJARAN

Menguntungkan kerana adanya cashback, diskaun dan ganjaran menarik apabila melakukan transaksi secara atas talian.

### JEJAK PEMBAYARAN

Membolehkan anda menjejak perbelanjaan yang telah dibuat di bahagian histori e-Dompet (memudahkan rekod perbelanjaan disimpan).




Muat turun di

Kelayakan disahkan melalui data Jabatan Pendaftaran Negara dan Lembaga Hasil Dalam Negeri